

Rosmah Kunjungi Kompleks Kecergasan Kanak-kanak di Gokdere

Bernama

Jun 10, 2014

Oleh Nur-ul Afida Kamaludin

ASHGABAT (Turkmenistan), 10 Jun (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor pada Selasa mengunjungi Kompleks Kecergasan Kanak-kanak di Gokdere, kira-kira 45 minit perjalanan darat dari sini.

Dalam keadaan cuaca yang amat panas iaitu 43 darjah Celcius, Rosmah meluangkan masa untuk bertemu sebahagian daripada 325 pelajar berusia antara 6 hingga 14 tahun, yang mengikuti pelajaran jangka pendek sempena cuti persekolahan musim panas selama tiga bulan bermula bulan ini.

Daripada jumlah itu, kira-kira 100 orang adalah anak yatim. Kompleks berkenaan menyediakan pendidikan jangka pendek bagi muzik, tarian, senilukis, koir dan sukan.

Dalam lawatan itu, Rosmah turut dihiburkan oleh kira-kira 40 kanak-kanak yang mempersembahkan tarian tradisional Turkmenistan.

Rosmah, yang juga Penaung Permata Negara, disertai Menteri Kesatuan Sekerja Turkmenistan Babaeva Govher selaku pengiring, isteri Duta Malaysia di Turkmenistan Kamsiah Kamaruddin dan Pengarah Kompleks Kecergasan Kanak-kanak Turkmenistan Muhammet Sahetlier.

Rosmah berada di sini kerana mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengadakan lawatan rasmi kedua selama dua hari ke Turkmenistan sejak semalam.

Beliau kemudian menyertai Najib pada majlis makan tengah hari bersama-sama kira-kira 100 rakyat Malaysia yang bekerja di sini.

Selepas itu, isteri Perdana Menteri mengunjungi House of Models untuk melihat pertunjukan pakaian tradisional Turkmenistan.

Negara Asia Tengah ini mempunyai kira-kira 6 juta penduduk dengan 93 peratus daripadanya beragama Islam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1045140>